

27 JUN 1998

KLIA-Pembukaan

PERASMIAN GEMILANG LAPANGAN TERBANG M'SIA BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Dengan percikan bunga api yang bersemarak dan diiringi paluan gendang, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) yang bertaraf dunia dibuka dengan rasminya di Sepang, dekat sini, hari ini.

Dalam majlis gilang-gemilang yang berlangsung di hadapan bangunan terminal utama, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar merasmikan pembukaan lapangan terbang berharga RM9 bilion itu pada 9.45 malam ini dengan operasi komersil KLIA akan bermula pada Selasa ini.

Sebuah pesawat Boeing 777 milik Penerbangan Malaysia (MAS) mendarat di satu daripada dua landasan di lapangan terbang yang dibina di atas kawasan seluas 10,000 hektar itu untuk menandakan pendaratan sulung di lapangan terbang serba moden itu.

Majlis pembukaan selama dua jam itu juga disaksikan berjuta-juta rakyat Malaysia melalui siaran langsung di RTM 1.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang secara peribadinya begitu mengambil berat terhadap KLIA, sebuah projek pembinaan terbesar dilaksanakan di Malaysia dalam abad ini.

Di antara 1,400 orang tetamu itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri Kabinet, pegawai tinggi kerajaan dan orang-orang kenamaan asing, Pengerusi Malaysia Airports Berhad Tan Sri Haji Basir Ismail dan Pengerusi Eksekutif KL International Airport Berhad (KLIAB) Tan Sri Clifford Herbert.

KLIA akan menggantikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS) di Subang sebagai pintu masuk utama ke Malaysia pada pukul 7 pagi Selasa ini. Lapangan terbang SAAS akan menghentikan operasinya pada pukul 12.45 pagi setelah menabur jasa selama 33 tahun.

Digelar sebagai "lapangan terbang abad ke-21" berikutan kemudahan canggih dan teknologi terkininya, KLIA menjadi kebanggaan Malaysia.

Ia disiapkan dalam tempoh empat setengah tahun menggunakan tenaga kerja yang mencapai 25,000 orang pada kemuncaknya. Dalam keadaan biasa, bagi menyiapkan sebuah lapangan terbang yang mempunyai rekabentuk, kejuruteraan dan kecanggihan seperti KLIA akan mengambil masa dua kali lebih lama.

Pembinaan lapangan terbang itu, antara yang terbesar di dunia, dijalankan oleh KLIAB, syarikat milik penuh kerajaan Malaysia, berdasarkan konsep "cepat siap".

Lapangan terbang itu akan diurus oleh Malaysia Airports yang mengendalikan 37 lapangan terbang di negara ini termasuk lima lapangan terbang antarabangsa.

KLIA terletak 50km ke selatan ibu negara dan kedudukannya strategik memandangkan ia berada dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dihubungkan secara elektronik ke Putrajaya, pusat pentadbiran teknologi tinggi baru Kerajaan Persekutuan, dan bandaraya "pintar", Cyberjaya, yang juga ditempatkan di MSC.

Majlis pembukaan dimulakan dengan doa yang dibacakan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Hashim Yahya.

Tuanku Ja'afar memasukkan replika menara kawalan trafik lapangan terbang itu ke dalam model sebuah glob bagi menandakan pembukaan lapangan terbang yang mesra alam itu dan merupakan antara yang terbesar di dunia.

Sejurus selepas itu, sebuah pesawat B777 mendarat dengan membawa 150 "penumpang khas" yang terdiri daripada penduduk lima buah kampung di

sekitar Sepang.

Penduduk kampung itu menjadi tetamu khas MAS dan dibawa melawat Menara KL dan Perkampungan Sukan Komanwel di Bukit Jalil sebelum diterbangkan pulang melalui lapangan terbang SAAS dengan B777, pesawat penumpang yang dianggap paling canggih di dunia masa ini.

Suasana di sekitar kawasan bekas ladang getah dan kelapa sawit itu meriah dengan bunyi paluan oleh kumpulan gendang yang menggunakan kompang dan rebana Melayu, gendang gergasi Cina dan tabla India.

Sinaran cahaya daripada pertunjukan bunga api selama 10 minit menerangi langit di sekitar lapangan terbang yang bertemakan "rimba di dalam lapangan terbang, lapangan terbang di dalam rimba."

Persekitaran yang menghijau di KLIA pasti mengejutkan pelawat yang pertama kali ke lapangan terbang itu. Sebanyak setengah juta pokok hutan tempatan, pepohon dan pokok renek daripada 400 spesis ditanam sebagai lanskap di 120 hektar tanah di KLIA.

Antara pokok itu adalah daripada jenis Sentang, Merawan Jantan dan Keruing. Lapangan terbang itu sendiri dibina dalam kawasan habitat semulajadi yang mengandungi kawasan paya yang besar. Pada pembukaannya, KLIA mampu mengendalikan 25 juta penumpang iaitu hampir dua kali lebih daripada lapangan terbang SAAS, dan sejuta tan kargo setahun.

Di bawah pembangunan fasa depan, KLIA akan mengendalikan 100 juta penumpang setahun dan mempunyai empat landasan.

Sebuah litar lumba Formula Satu juga sedang dibina berhampiran lapangan terbang itu dan dijadualkan siap menjelang perlumbaan pertamanya pada tahun 1999.

-- BERNAMA
TM AKD PR